

ISSUE #03/30 OGOS 2024

GEMPAK.

WWW.GEMPAK.COM

WEEKLY EDITION



JOZAN

IS BACK!

Setelah dua tahun ‘menghilang’, kerinduan peminat terhadap gabungan mereka pastinya terubat apabila JoZan bakal kembali ke layar perak menerusi filem ‘Baik Punya Ah Long’.

Sering menghiburkan penonton dengan aksi lucu yang lancar, pengarah dan pelakon dalam filem Baik Punya Ah Long filem, Datuk Afdlin Shauki berkongsi pemilihan gabungan dua pelawak hebat ini sebagai hero adalah tepat untuk naskhah ini.

“Saya rasa mereka lah ‘kepala’ yang paling sesuai untuk membawa filem ini.

“Pada awalnya dahulu saya nak berlakon dengan arwah Din Beramboi, tapi apabila Allahyarham dah meninggal kita teruskan dengan orang lain iaitu pelawak nombor satu Malaysia iaitu Johan dan Zizan, dan memang terbaiklah yang mereka buat,” kongsinya kepada Gempak.

Sementara itu, memegang watak sebagai Aloysius, Zizan Razak mengharapkan agar gandingannya bersama Johan menerusi naskhah ini dapat diterima baik oleh penonton.

“Selepas keluar trailer, ramai yang komen tak sabar jadi saya dapat rasa ini antara cerita yang boleh bagi impak kepada industri hiburan.

“Saya pun gembira dapat kerjasama balik bersama Johan. Gabungan itu memang kelakar lah sebab saya pun tak tahan nak ketawa apabila di set.

“Saya harap kalau cerita ini keluar semua nanti terhibur dan repeat di wayang macam cerita saya sebelum ini, sebab ia gabungan Jozan yang dinanti-nantikan,” kongsinya.

Filem arahan pengarah Datuk Afdlin Shauki itu akan ditayangkan di pawagam pada 12 September depan.

Selain Zizan, antara pelakon lain membarisi filem berkenaan ialah Johan, Liyana Jasmay, Adibah Noor, Adlin Aman Ramlie dan ramai lagi.

Baik Punya Ah Long mengisahkan tentang dua adik beradik, Aloy dan Ale yang diminta oleh ayah mereka untuk menjalankan perniagaan. Meskipun Aloy dan Ale tidak mempunyai pengalaman, mereka tetap menyahut cabaran ayah mereka.

Jadi, wujudlah perniagaan pinjaman wang oleh Aloy dan Ale. Perniagaan mereka telah mengugat Lan Panda dan menyebabkan ketidakpuasan hati. Lan Panda mulakan agendanya untuk menghapuskan Aloy dan Ale.



Johan & Zizan Rezek

Filem: Baik Punya Ah Long
Genre: Komedi Muzikal, Drama
Pengarah: Datuk Afdlin Shauki
Pelakon: Zizan Razak, Johan, Liyana Jasmay, Adibah Noor, Adlin Aman Ramlie, Mia Sara Shauki
Tarikh Tayangan: 12 September 2024

Highlights Baik Punya Ah Long



5 Kejadian Lubang Benam Di Kuala Lumpur

Pada saat satu minggu mangsa warga India, Vijayaletchumy, 48, hilang selepas terjatuh ke dalam lubang sedalam lapan meter susulan insiden tanah jerlus di Jalan Masjid India, Kuala Lumpur masih gagal ditemui, satu insiden tanah mendap didapati berlaku sekitar 50 meter dari tempat kejadian. Ironi tragedi tanah mendap, terjus atau tanah runtuh juga banjir besar bukan pertama kali berlaku di Malaysia. Tanpa dapat dihindu, bencana menimpa tanpa amaran.

Antara kawasan yang pernah berlaku lubang benam akibat faktor manusia ialah Jalan Pudu-Hang Tuah iaitu sekitar kawasan Imbi pada 2014, Jalan DBP (2019), Taman U-Thant (2020), Sri Hartamas (2021) dan AU3 Ampang (2022).



Berikut antara insiden lubang benam sekitar Kuala Lumpur yang masih segar dalam ingatan.

• **Jalan Imbi, 2 Julai 2014**

Pada 2 Julai 2014, kejadian tanah mendap berlaku di persimpangan Jalan Pudu, Jalan Imbi, dan Jalan Hang Tuah, dekat penjara Pudu lama, Ibu Pejabat Polis, dan Times Square. Lapor Malay Mail, tanah mendap itu sedalam 20 meter dan ia disebabkan oleh paip air pecah.

• **Jalan Maharajalela, 25 November 2019**

Sebuah kereta yang dipandu seorang wanita terperosok ke dalam lubang yang terjadi akibat tanah mendap di Jalan Maharajalela menghala ke Jalan Loke Yew kira-kira pukul 11.35 malam. Siasatan mendapati mendapan tanah di lokasi berkenaan mengakibatkan lubang seluas tiga meter persegi.

• **Jalan U-Thant, 19 Julai 2020**

Kejadian tanah jerlus berhampiran Pangaspuri Residensi 16, Jalan Taman U Thant, Taman U Thant menyebabkan mendapan tanah kira-kira satu meter.

• **Jalan Sri Hartamas, Oktober 2021**

Kedua-dua lorong di Jalan Sri Hartamas 1 terpaksa ditutup akibat mendapan tanah yang besar berlaku susulan hujan lebat berterusan.

• **Jalan AU3 Taman Desa Keramat, Disember 2022**

Tanah mendap di Jalan AU3 Taman Desa Keramat di sini telah mengakibatkan jalan itu berlubang dengan kedalaman 1.5 meter. Mendapan berlaku di bahagian tengah jalan raya yang keluasannya dianggarkan 400 kaki persegi.

Konsert Bollywood Hujung Tahun;



Arijit Singh & Udit Narayan

Penyanyi playback terkenal Bollywood, Arijit Singh bakal muncul di Kuala Lumpur menerusi konsert berskala mega, Arijit Singh Live In Malaysia pada 16 November 2024, bertempat di Axiata Arena, Bukit Jalil.


Ini merupakan kemunculan kali ketiganya di Malaysia selepas 10 tahun lalu.

Arijit popular menerusi lagu-lagu siulan ramai antaranya Janam Janam (Dilwale), Tum Hi Ho (Aashiqui 2), What Jhumka? (Rocky Aur Rani Kii Prem Kahaani), Lut Putt Gaya (Dunki) dan banyak lagi.

Tiket akan mula dijual pada 2 September 2024 di laman web www.hitmanlive.com, dan tiket-tiket tersedia dalam kategori: Silver (RM298), Gold (RM398), Platinum (RM598), Diamond (RM698), VIP (RM788), VVIP (RM988) dan MIP (RM1,188).

Selain Arijit, penyanyi playback popular era 1990-an, pula bakal tampil ke Kuala Lumpur sempena konsertnya di Megastar Arena pada 28 Disember 2024.

Udit bakal mempersembahkan untaian lagu popular daripada filem Bollywood kegemaran ramai antaranya Kuch Kuch Hota Hai, Kabhi Kushi Kabhi Gham, Kaho Naa Pyar Hai, Mohabbatein, Dil To Pagal Hai dan banyak lagi.



Jungkook BTS akan melancarkan dokumentari pertamanya, "Jung Kook: I Am Still", yang akan ditayangkan di pawagam seluruh dunia pada 18 September 2024.

Dokumentari ini menceritakan perjalanan lapan bulan Jungkook menuju kejayaan global, dengan menampilkan rakaman di belakang tabir, wawancara eksklusif, dan persembahan hebat.

Tiket tayangan untuk dokumentari ini telah mula dijual secara global sejak 21 Ogos 2024.



Filem HOUSEKEEPING? mengisahkan kekecohan yang berlaku di hotel apabila Johan, Molly dan Ah Foo menemui sebuah beg berisi wang RM2 juta dan cuba melarikan diri daripada pihak polis dan samseng yang menginginkan wang tersebut.

Filem ini menampilkan Alif Satar, Sharifah Sakinah, Fabian Loo, Pablo Amirul, Ropie Cecupak, Didie Alias, Khir Rahman, Angeline Tan, Maria Farida, Radhi Khalid, Sabrina Ali, Joanne Kam dan ramai lagi.

Penonton boleh mendapatkan filem ini di aplikasi Prime Video sejurus tayangan pada 5 September 2024.



Diarahkan oleh Kiki Nuriswan, filem ini mengisahkan Arham, seorang mahasiswa yang harus menghadapi kenyataan bahawa isterinya, Husna, mengidap kanser otak. Di tengah kesedihan, dia bertemu Zilka, seorang wanita yang berusaha memperbaiki hidupnya setelah tersesat. Filem ini mengeksplorasi tema cinta, pengorbanan, dan keikhlasan dalam menghadapi ujian hidup.

Filem ini dibintangi oleh Yuki Kato, Aliff Alli, Keira Shabira, Early Ashyla, Iwan Burnani, Ivanka Suwandi, Azza Galedda, Nurul Anissa Hasannah, Cahya Arynahara, Irza Mahatir, Yugo Werner dan Edy Tambudo.

Dua Surga Dalam Cintaku mula ditayangkan pada 29 Ogos 2024.

GMW Sambut Ulangtahun Tayangan Ke-100

Siaran mingguan rancangan berkonsepkan undian penonton, Gempak Most Wanted bakal memasuki tayangan ke 100 pada 4 September nanti.

Sempena tayangan khas itu, GMW bakal menampilkan barisan tetamu undangan hebat antaranya Dr Say, Amin & Abid, Ryan Bakery dan Bananadibs.

Sementara itu, carta mingguan GMW pula didominasi oleh Scha Elinnea (Selebriti Trending, Ozzie Manan (Digital Creator Trending Foodie), Agy (Digital Creator Trending Beauty/Fashion) dan Pok Ro (Digital Creator Trending E-Sports)

Gempak Most Wanted menyenaraikan kandungan hiburan digital mingguan paling tular dari pelbagai platform media sosial setiap minggu.

Kandungan-kandungan ini dipilih berdasarkan pencalonan umum daripada orang awam dan jumlah undian daripada netizen di gempak.com/gempakmostwanted.

GMW bersiaran setiap hari Rabu, 11 malam di Astro Ria, On Demand & Astro GO.

Undi calon Carta Mingguan Gempak Most Wanted kegemaran anda untuk peluang melayakkan calon carta mingguan ke Top 20 GMW Awards 2024.

Undian dibuka bermula Rabu, 11.00 malam sehingga Rabu minggu hadapan, 10.30 malam.

Untuk mengundi layari gempak.com/gempakmostwanted



Jom semak senarai pempengaruh dan selebriti paling trending di carta mingguan GMW.

Digital Creator Trending (Lifestyle)

1. Amin Abid
2. Nor Padilah
3. Sam Lim
4. Fikri Zamri
5. Lynd Nakemu

Digital Creator Trending (Foodie)

1. Ozzie Manan
2. Che Sayang Kitchen
3. Capikkkkkk
4. Iman Rashid
5. Akak Tapau

Selebriti Trending

1. Scha Elinnea
2. Meerqeem
3. Jazly Juma
4. Erysha Emyra
5. Siti Khadijah Halim

Digital Creator Trending (Entertainment)

1. Steph Beauty
2. Shak
3. Ryan Bakery
4. Leona
5. Ravi

Gempak Most Wanted
Gempak Most Wanted merupakan sebuah rancangan carta interaktif mingguan memfokuskan segala yang trending, viral & sensasi di semua platform digital. Dihesahkan oleh Amelia Henderson & Sean Lee.

Carta Mingguan Gempak Most Wanted
Undi carta mingguan Gempak Most Wanted sekarang dan tentukan Top 5 setiap minggu!

HANTARKAN PENCALONAN UMUM ANDA **UNDI CALON BULAN OGOS SEKARANG!** **CARTA MINGGUAN**



Kilauan Emas Kembali! Tampilkan 'Unsung Hero', Erra Fazira & Elly Mazlein

Astro kembali menampilkan bakat-bakat dari generasi X iaitu rakyat Malaysia yang berusia 45 tahun ke atas untuk bertanding dalam program realiti legenda, 'Kilauan Emas 2024', selepas tujuh tahun menyepi.

Kilauan Emas kali ini membawakan nafas baharu dengan tema 'Otai Kembali Berbisa', membuka ruang dan peluang kepada bakat tempatan otai tempatan untuk mempamerkan bakat terpendam mereka dalam bidang nyanyian.

Seramai 12 peserta solo dari seluruh negeri bakal bersaing dan Kilauan Emas 2024 bakal digegarkan dengan penampilan Kak Lina Pom Pom sebagai pengacara program utama, serta pelawak dan pelakon Joey Daud sebagai pengacara belakang pentas & diari.

Bangku juri buat musim terbaru ini mengekalkan figura legenda, Erra Fazira dan Datuk Hattan, bersama pelawak terkenal iaitu Roy Azman.

Kilauan Emas 2024 akan bersiaran secara langsung dari Royal Theater Shah Alam selama lapan minggu bermula 14 September 2024, setiap Sabtu, jam 9 malam menerusi Astro Prima (saluran 105).

Program ini turut boleh distrim menerusi On Demand di Astro Ultra/Ulti Box, aplikasi Astro GO dan sooka.



Proton Launches 2025 X70, Fresh Look & Smart Tech From RM98,000

Proton has revealed the 2025 X70 SUV, showcasing a refreshed design that includes a new grille, slimmer LED headlights, and a redesigned rear section. The interior boasts significant upgrades, such as a 12.3-inch infotainment screen featuring Apple CarPlay and Android Auto, a redesigned steering wheel, and enhanced safety features for a more modern driving experience.

The SUV is powered by a 1.5-litre turbocharged engine that promises improved fuel efficiency. Proton has also introduced a new color option, Marine Blue, available exclusively for the Premium variant.

Starting at RM98,800, the 2025 X70 comes with an offer for early buyers, with discounts available for the first 3,000 units. This latest model aims to solidify Proton's position in the competitive SUV market by offering advanced technology and a sleek new design.

Nasi Kandar Chain Fined RM200,000 for Unauthorized Astro Content Use

A popular Nasi Kandar chain in Malaysia has been ordered to pay RM200,000 in damages for illegally using Astro content in its outlets without authorization.

The High Court ruled in favor of Measat Broadcast Network Systems Sdn Bhd, stating that the restaurant chain had unlawfully screened Astro content without a valid subscription.

The court also issued an injunction to prevent further unauthorized use of Astro content by the chain. This case highlights the importance of businesses adhering to proper licensing agreements for media usage.

